

**Polis siar foto anggota kasari orang ramai, wartawan
MalaysiaKini.com
May 04, 2012**

Polis Diraja Malaysia (PDRM) hari ini menyiarkan dalam Facebook polis Kuala Lumpur rakaman gambar anggota polis yang didakwa telah mengkasari orang awam serta wartawan semasa perhimpunan BERSIH 3.0 Sabtu lalu.

NONE dalam kenyataan yang turut disiarkan dalam Facebook tersebut, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Salleh menyeru orang ramai supaya tampil memberi kerjasama dan bukti.

"Melalui rakaman gambar-gambar ini, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru mana-mana juga orang ramai yang berada di sekitar tempat kejadian, khususnya terhadap mereka yang menyaksikan kejadian itu, tampil memberi kerjasama, serta bukti-bukti yang ada untuk keterangan mereka direkodkan oleh pegawai penyiasat berdasarkan kepada prosedur undang-undang negara ini," katanya.

NONE Bagaimanapun, pihak polis nampaknya hanya berminat dengan satu insiden yang berlaku di sepanjang Jalan Tun Perak di mana ia hanya menunjukkan pergelutan yang berlaku di hadapan cawangan bank OCBC di situ.

Banyak lagi gambar atau klip video yang menggambarkan kekejaman polis semasa BERSIH 3.0 yang telah dimuat-naik di Internet oleh para saksi, tidak disebut.

Selain itu, Facebook itu juga turut menyiarkan sejumlah 42 keping lagi gambar hasil daripada penelitian terhadap gambar-gambar yang telah dirakam oleh media dan polis semasa perhimpunan BERSIH 3.0 yang diadakan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur ke Dataran Merdeka pada 28 April lalu.

NONE "Di samping itu, turut diedarkan adalah gambar-gambar yang mengandungi aksi-aksi deretan peserta perhimpunan yang telah merempuh kawalan polis di suatu lokasi yang berhampiran dengan Dataran Merdeka.

NONE "Rempuhan ini menunjukkan peserta perhimpunan mempunyai hasrat menuju ke Dataran Merdeka yang dikawal oleh polis dan pihak Bandaraya Kuala Lumpur," kata Mohamad.

NONE Bagaimanapun, gambar-gambar yang ditunjukkan itu sepadan dengan gambar Malaysiakini di mana peserta memecahkan benteng polis di hadapan KLCC, di sudut Jalan Ampang dan Jalan P Ramlee, kira-kira 5 kilometer dari Dataran.

Mohamad menyeru orang ramai yang mengenali pihak atau kepada individu dalam gambar tersebut supaya tampil memberi maklumat kepada mana-mana pegawai polis, balai polis atau berhubung terus dengan ASP Azmi Aziz, pegawai jabatan siasatan jenayah D7A ibu pejabat polis Kuala Lumpur melalui emel azmiaziz@mp.gov.my atau telefon 019-2602344 dan 019-3872344.

Sementara itu, dalam satu lagi kenyataan Mohamad berkata berikutan penyiaran gambar mereka yang terlibat, hanya seorang yang tampil setakat ini untuk membantu siasatan.

Katanya, lelaki berkenaan yang berumur 39 tahun, datang sendiri ke ibu pejabat polis kontinjen Kuala Lumpur pada jam 3 petang tadi.

"Sementara itu, seorang siswa berumur 22 tahun telah berjanji akan serah diri bersama peguamnya pagi esok," katanya.